

6 strategi kritikal perkukuh daya saing Malaysia di peringkat global

- Momentum pertumbuhan konsisten, bermula dengan 4.2 peratus pada suku pertama dan meningkat kepada 5.9 peratus pada suku kedua membuktikan kejayaan strategi pembangunan ekonomi holistik dan inklusif

- Strategi kepelbagaian ekonomi dilaksanakan berjaya mengurangkan kebergantungan kepada sektor ini dengan tumpuan dialihkan kepada industri bernilai tinggi dan mampan



Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Di tengah-tengah cabaran ekonomi global semakin kompleks, Malaysia memperlihatkan keteguhan asas ekonominya dengan mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) memberangsangkan sebanyak 5.3 peratus pada suku ketiga tahun ini.

Pencapaian cemerlang ini bukan sekadar angka statistik, tetapi bukti keberkesanan dasar transformasi Kerajaan MADANI dalam memperkukuhkan daya tahan ekonomi negara.

Momentum pertumbuhan konsisten, bermula dengan 4.2 peratus pada suku pertama, dan meningkat kepada 5.9 peratus pada suku kedua, membuktikan kejayaan strategi pembangunan ekonomi holistik dan inklusif.

Sektor perkhidmatan terus unggul sebagai pemacu utama ekonomi negara dengan sumbangan memberangsangkan sebanyak RM247.5 bilion, mencatatkan pertumbuhan mantap 5.2 peratus.

Kejayaan ini adalah hasil daripada inisiatif digitalisasi komprehensif Kerajaan MADANI merevolusikan landskap perniagaan tempatan. Program transformasi digital diperkenalkan mempercepatkan adaptasi teknologi dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sekali gus meningkatkan daya saing mereka di peringkat global.

Subsektor pelancongan mencatatkan lonjakan ketara dengan peningkatan pelancong dari negara ASEAN dan China, menyumbang kepada pemulihan memberangsangkan dalam industri perhotelan dan penerbangan.

Sektor perbankan dan perkhidmatan profesional turut menunjukkan pemulihan teguh, kembali ke tahap prapandemik dan melepasi jangkaan pasaran.

Dalam sektor pembuatan, Malaysia terus mengukuhkan reputasinya sebagai hab pembuatan berteknologi tinggi dengan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.6 peratus, menyumbang RM97.4 bilion kepada ekonomi negara.

Dasar perindustrian progresif Kerajaan MADANI yang memberi penekanan kepada inovasi dan pembangunan teknologi termaju, menarik pelaburan berkualiti tinggi dalam industri semikonduktor dan produk kimia.

Permintaan kukuh daripada pasaran utama seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jepun membuktikan keyakinan antarabangsa terhadap keupayaan pembuatan Malaysia.

Pelaburan jangka panjang proaktif

Walaupun sektor perlombongan dan kuari menghadapi cabaran dengan penyusutan negatif 3.9 peratus, menyumbang RM22.3 bilion, Kerajaan MADANI mengambil langkah proaktif mengurangkan kesan negatifnya.

Strategi kepelbagaian ekonomi dilaksanakan berjaya mengurangkan kebergantungan kepada sektor ini dengan tumpuan dialihkan kepada industri bernilai tinggi dan mampan. Inisiatif ini termasuk pelaburan dalam teknologi hijau dan ekonomi digital, menjanjikan pertumbuhan lebih mampan untuk masa hadapan.

Sektor pertanian pula memperlihatkan daya tahan mengukuhkan dengan pertumbuhan 3.9 peratus, menyumbang RM29.1 bilion kepada KDNK.

Program pemodenan pertanian berjaya meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan. Peningkatan harga minyak sawit mentah dan pengeluaran getah juga memberangsangkan, ditambah dengan permintaan kukuh daripada India dan China, membuktikan kejayaan strategi perdagangan antarabangsa dirangka kerajaan.

Inisiatif pertanian pintar dan program sokongan petani turut memperkukuh kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan makanan global.

Pencapaian yang cemerlang terlihat dalam sektor pembinaan yang mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 19.9 peratus, menyumbang kepada negara sebanyak RM17.5 bilion.

Pelaksanaan projek infrastruktur mega seperti Lebuhraya Pan Borneo dan pembaharuan bandar di Lembah Klang menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi.

Program perumahan mampu milik Kerajaan MADANI bukan sahaja menangani isu perumahan rakyat, malah membuka ribuan peluang pekerjaan dan merangsang aktiviti ekonomi tempatan.

Projek ini memberi impak berganda kepada ekonomi dengan mewujudkan rantaian nilai yang memberi manfaat kepada pelbagai sektor ekonomi.

Kerajaan dilihat kekal realistik dan berwaspada terhadap risiko serta global. Ketidakstabilan geopolitik, turun naik harga komoditi dan ketidakpastian pasaran kewangan global dipantau secara berterusan.

Pendekatan mempelbagai ekonomi dilaksanakan, termasuk pelaburan strategik dalam teknologi hijau, ekonomi digital dan industri masa hadapan, membuktikan pandangan jauh kerajaan membina asas ekonomi berdaya tahan.

Kejayaan mencapai pertumbuhan KDNK 5.3 peratus ini testimoni kepada keberkesanan dasar kerajaan mengemudi ekonomi negara. Gabungan antara dasar fiskal bijak, promosi kestabilan kewangan dan rangkaian keselamatan sosial komprehensif meletakkan Malaysia dalam kedudukan kukuh menghadapi cabaran masa hadapan.

Pencapaian ini bukan sahaja menandakan kejayaan dasar bemasa, tetapi memberi keyakinan terhadap hala tuju pembangunan Malaysia mampan dan inklusif.

Namun, beberapa strategi kritikal perlu dilaksanakan untuk mengukuhkan daya saing Malaysia di arena global, antaranya:

- **Mempercepatkan transformasi ke arah ekonomi digital**

Dalam aspek ini kerajaan perlu memberi tumpuan kepada pemba-

ngunan teknologi termaju seperti kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) dan automasi.

Ini memerlukan pelaburan besar dalam infrastruktur digital, termasuk rangkaian 5G menyeluruh dan pusat data bertaraf dunia. Fokus perlu diberikan kepada pembangunan bakat digital tempatan melalui kerjasama strategik antara institusi pendidikan dan industri teknologi.

- **Pembangunan industri hijau dan ekonomi putaran perlu dipergiatkan**

Malaysia berpotensi menjadi hab serantau untuk teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui, kenderaan elektrik (EV) dan pengurusan sisa lestari. Insentif cukai dan sokongan dasar untuk projek hijau akan menarik pelaburan berkualiti tinggi dan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi.

- **Memperkuh ekosistem inovasi, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan**

Ini memerlukan peningkatan peruntukan penyelidikan, pengukuhan hubungan antara universiti-industri dan pemberian insentif untuk syarikat melabur dalam inovasi.

Penubuhan pusat kecemerlangan dalam bidang strategik seperti bioteknologi, nanoteknologi dan semikonduktor generasi baharu akan meningkatkan daya saing Malaysia.

- **Mempelbagai ekonomi dalam sektor baharu bernilai tinggi**

Ini termasuk pembangunan industri aeroangkasa, bioteknologi dan perkhidmatan kewangan digital. Program sokongan khusus untuk syarikat pemula dan teknologi tempatan akan membantu membina syarikat 'unicorn' Malaysia.

- **Peningkatan produktiviti dalam sektor pertanian melalui penggunaan teknologi pertanian pintar**

Penggunaan teknologi IoT, dron dan analisis data akan meningkatkan hasil tanaman serta kebergantungan kepada import makanan. Ini akan membawa negara ke tahap keterjaminan makanan utuh dan mampan.

- **Pembangunan modal insan**

Aspek ini perlu diperkukuh melalui pembaharuan sistem pendidikan memberi penekanan kepada kemahiran masa hadapan. Program latihan sermula dan peningkatan kemahiran untuk tenaga kerja sedia ada perlu dipergiatkan untuk memastikan Malaysia memiliki bakat diperlukan menyokong ekonomi digital.

Strategi ini perlu dilaksanakan secara holistik dengan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta dan institusi akademik. Kejayaan pelaksanaan akan membolehkan Malaysia bukan sahaja kekal berdaya saing, tetapi menjadi penggiat utama dalam ekonomi global masa hadapan.

